

Pegawai utama UMS sertai Golf Muhibah UMSKAL

OLEH JAINUDIN DJIMIN

jainudin@newsabahtimes.com.my

~~NSF 20.11.2013 22~~

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj menyertai pertandingan golf muhibah sempena sambutan Pesta Konvokesyen UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013.

Turut menyertai pertandingan itu ialah Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Pertandingan yang julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai utama UMS dengan pegawai-pegawai UMSKAL.

Dr Ismail berkata pertandingan itu dianjurkan Kelab Golf UMSKAL dan Pejabat Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan (BPP) sebagai Sekretariat Jawatankuasa Golf Muhibah 2013.

Pertandingan yang diadakan di Labuan International Golf Club (LIGC), Kiasam pada Ahad itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu VIP dan

Senior.

Turut menyertai pertandingan yang diadakan seawal jam 7 pagi itu ialah Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Bahagian BPP MdAzrie Ag Tanjung.

Lebih menarik, padang golf 18 lubang itu berlatar belakangkan pemandangan indah pantai dan laut serta bangunan menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang menjadi mercu tanda sector pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.



PROF. DrShariff (tiga dari kiri), Abdullah (dua dari kiri) dan Ismail (tiga dari kanan) bersama pegawai UMSKAL yang menyertai Pertandingan Golf Muhibah UMSKAL 2013 di Kelab Golf Antarabangsa Labuan, Kiasam.